

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]**
TARIKH : **18.6.2014**
SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian KPI yang diguna pakai oleh Kementerian untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan guru dan pelajar seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perincian KPI yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan guru adalah melalui CEFR atau *Common European Framework of Reference for Languages* . Ianya merupakan satu piawaian profisiensi bahasa yang diiktiraf di seluruh dunia. KPM CEFR untuk menetapkan tahap profisiensi yang perlu dicapai oleh guru bahasa Inggeris. CEFR mempunyai 6 tahap dari tahap A1 (paling rendah) ke tahap C2 (paling tinggi).

KPM juga berhasrat bahawa semua guru Bahasa Inggeris mencapai tahap profisiensi Bahasa Inggeris di Band C1 pada CEFR. Untuk membantu guru Bahasa Inggeris mencapai tahap profisiensi tersebut, program *Professional Up-Skilling of English Language Teachers* atau Pro-ELT telah dirangka untuk guru Bahasa Inggeris. KPI bagi program ini ialah "85% guru Bahasa Inggeris akan meningkat sekurang-kurangnya satu band profisiensi pada CEFR" di akhir program tersebut. Kohort 1 seramai 5000 orang guru telah menyertai Program Pro-ELT pada 2012 – 2013. Kohort 2, terdiri daripada 9,000 guru, sedang menjalani latihan pada tahun 2014 - 2015.

KPM telah memastikan syarikat yang menawarkan latihan profisiensi ini adalah syarikat yang mempunyai reputasi yang kukuh dan mempunyai '*track record*' dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris. Syarikat ini telah dipilih melalui satu proses pemilihan yang ketat dan mengikut prosedur yang jelas dan telus. Modul latihan yang digunakan merangkumi kandungan yang berkaitan dengan pedagogi dan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris walaupun tujuan utama program tersebut ialah untuk meningkatkan tahap profisiensi BI peserta kursus. Jurulatih untuk program ini juga dipilih berdasarkan kelayakan yang sesuai. Kelayakan akademik, tahap profisiensi dan pengalaman mengajar pelajar dewasa adalah antara kelayakan yang perlu ada pada setiap jurulatih. KPM mempunyai kuasa muktamad dalam pemilihan jurulatih program ini.

Pencapaian guru Bahasa Inggeris diukur melalui ujian pra Aptis pada permulaan program dan ujian pasca Aptis pada akhir program Pro-ELT. Perbandingan skor ujian pra dan pasca Aptis menunjukkan samada guru tersebut telah meningkat tahap profisiensi bahasa Inggeris atau tidak. Akhir kata, pihak kementerian dan pihak syarikat bersama kesatuan dan persatuan keguruan telah memastikan satu sistem sokongan yang padu dilaksanakan untuk memastikan guru-guru kami sentiasa diberi sokongan yang berterusan semasa menghadiri program Pro-ELT. Perincian KPI yang diguna pakai oleh Kementerian untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan murid seluruh negara untuk menentukan literasi Bahasa Inggeris ialah:

Tahun 1 - 67%

Tahun 2 - 84%

Tahun 3 - 100%

Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris telah bermula di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini mengenalpasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan mereka ditempatkan dalam kumpulan/kelas khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya mereka dapat menguasai literasi Bahasa Inggeris.